

05/07/2003

Hartanah kediaman dikecuali duti setem

Kadir Dikoh

HARTANAH kediaman seperti rumah, unit kondominium, pangsapuri dan apartmen

yang masih dalam pembinaan, turut dikecualikan duti setem jika ia dibeli dalam tempoh antara 1 Jun tahun ini sehingga 31 Mei tahun depan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata bagi mendapat

kelayakan pengecualian duti setem itu, surat perjanjian jual beli mestilah

disempurnakan dalam tempoh berkenaan.

"Pengecualian duti setem ini hanya diberi ke atas pembelian hartanah kediaman dengan harganya tidak melebihi RM180,000 seunit daripada pemaju perumahan, badan berkanun atau koperasi," katanya dalam pekeliling terbaru

Perbendaharaan mengenai Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No 6) 2003, semalam.

Pengecualian duti setem bagi pembelian hartanah kediaman itu serta pengecualian cukai keuntungan hartanah, diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Pakej Strategi Baru bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara pada 22 Mei lalu.

Jamaludin menjelaskan, permohonan bayaran balik duti setem bagi dokumen

yang sudah disetamkan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setem berkenaan

iaitu pejabat di mana dokumen itu disetamkan.

Sebelum permohonan dibuat, pembeli hendaklah memastikan dengan firma guaman yang mewakilinya dalam urusan pembelian atau pinjaman, sama ada dokumen yang berkenaan sudah disetamkan.

Bagi tujuan pemerosesan tuntutan bayaran balik duti setem yang sudah dibayar, pemohon mestilah mengemukakan kepada pejabat setem, salinan asal

dan salinan fotostat setiap dokumen.

Salinan asal akan dikembalikan selepas tindakan sewajarnya diambil.

Jika pemohon diwakili oleh firma guaman, mereka hendaklah menyatakan nama dan alamat bank serta nombor akaun bank di mana bayaran itu akan dikreditkan.

Jamaludin berkata, permohonan bayaran balik hendaklah mengikut prosedur tertentu.

Bayaran balik akan dibuat dalam tempoh antara sebulan hingga dua bulan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima.

Mengenai pengecualian cukai keuntungan hartanah, beliau berkata ia diberi ke atas pelupusan hartanah yang dibuat mulai 1 Jun tahun ini hingga

31 Mei tahun depan.

Pengecualian juga diberi kepada bukan warga negara dan bukan pemastautin

tetap di negara ini.

Bagi memohon pengecualian itu, seseorang hanya perlu mengemukakan

penyata dalam masa 30 hari daripada tarikh pelupusan hartanah dibuat,
dengan mengisi borang yang boleh diperolehi di mana-mana cawangan Lembaga
Hasil Dalam Negeri.